

## Prinsip Khiyar Dalam Jualan Barang: Kajian Terhadap Akta Kontrak 1950 (Akta 136)

Hasri Harun<sup>a</sup>, Shofian Hj Ahmad<sup>b</sup>, Ruzian Markom<sup>c</sup>  
<sup>a,b</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
<sup>c</sup> Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Corresponding authors: Email: [has\\_elly@yahoo.co.uk](mailto:has_elly@yahoo.co.uk)

---

### Article history

Received: 2016-04-06

Received in revised form: 2016-06-20

Accepted: 2016-07-23

### Abstract

Khiyar or options are rights granted by Islamic law against the buyer and the seller as to whether to continue or discontinue the contract that has been executed. Khiyar rights are described in detail in the books of fiqh transactions, particularly in the topics of trade. However, the law of the transaction in Malaysia, there is no specific provision entitling khiyar to the contracting parties. This article seeks to examine the extent of the principle khiyar according to Islamic contract law can be implemented in through Chapter 2 section 3 to 9, the Contracts Act 1950 (136). Study found that there were similarities khiyar philosophy and principles of Islamic law as the provisions of section 3-9, but the provisions of the Contracts Act 1950 is not used as khiyar. This study is important to ensure that the concept Khiyar in contract law in Malaysia can be implemented as a whole and improve the law of contract in Malaysia to safeguard the rights and interests of the consumer and the seller.

**Keywords:** Khiyar. Contracts of Sale of Goods, Contract Act 1950 (act 136)

### Abstrak

Khiyar atau pilihan adalah hak yang diberikan oleh hukum syarak terhadap pembeli dan penjual sama ada ingin meneruskan atau membatalkan kontrak yang dilaksanakan. Hak khyār ini dijelaskan secara mendalam di dalam kitab fiqh muamalah khususnya dalam jual beli. Namun demikian dalam undang-undang transaksi jual beli di Malaysia, tidak terdapat peruntukan khusus yang memberikan hak khyār kepada pihak-pihak yang berkontrak. Artikel ini bertujuan mengkaji sejauhmanakah prinsip khyār boleh dilaksanakan dalam undang-undang menerusi Bab 2 bermula Seksyen 3 hingga 9 Akta Kontrak 1950 (Akta 136). Kajian mendapati bahawa terdapat persamaan falsafah dan prinsip khyār di dalam peruntukan seksyen 3-9 Akta Kontrak 1950 namun peruntukan tersebut tidak digunakan sebagai khyār. Kajian ini penting bagi memastikan konsep khyār dalam undang-undang Kontrak di Malaysia dapat dilaksanakan secara menyeluruh serta menambahbaik undang-undang kontrak di Malaysia bagi memelihara hak dan kepentingan pihak pengguna dan penjual.

**Kata kunci:** Khyār. Kontrak Jualan Barang, Akta Kontrak 1950 (Akta 136)

## 1.0 PENDAHULUAN

Di dalam Islam kontrak bukan sahaja merupakan satu transaksi perpindahan barang namun ia bermatlamat memelihara setiap unsur dalamnya. Antaranya ialah unsur kerelaan dan kepuashatian menurut kacamata kontrak Islam adalah antara unsur penting yang dipelihara agar ianya tidak ditolak dan akhirnya menyebabkan kontrak menjadi batal atau rosak. Dalam konteks di Malaysia terdapat Akta Kontrak 1950 yang memperuntukan undang-undang yang memelihara setiap aktiviti kontrak terbabit. Menurut Akta Kontrak 1950 (Akta 136) terdapat peruntukan Bab 2 yang bertajuk “Mengenai Komunikasi, Penerimaan dan Pembatalan Cadangan. (Akta kontrak 1950). Bab ini mengandungi tujuh seksyen yang menghuraikan tentang kedudukan amalan kontrak, komunikasi dalam berkontrak, aspek penerimaan dan pembatalan dalam sesuatu kontrak yang dijalankan.

Artikel ini melihat kedudukan khiyar dalam proses jualan barang menurut sudut perundangan melalui Akta Kontrak 1950 (Akta 136) yang ada serta menilai keperluan pengemaskinian elemen pilihan yang wujud dan terhadap aplikasi pilihan dalam perundangan sedia ada. Artikel ini membincangkan definisi, konsep khiyar menurut hukum kontrak Islam dengan menjelaskan jenis-jenis khiyar utama di dalam fiqh muamalah diikuti dengan latar belakang perundangan dan akta berkaitan jualan barang termasuk Akta Kontrak 1950. Artikel ini melihat sejauhmana kedudukan konsep khiyar menerusi Akta Kontrak 1950 (Akta 136) berdasarkan peruntukan Bab II seksyen 3 hingga 9 yang menghuraikan aspek tajuk Mengenai Komunikasi, Penerimaan dan Pembatalan Cadangan. Peruntukan ini memperlihatkan beberapa prinsip yang bersamaan dengan elemen khiyar dan menampakan beberapa ruang untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan khiyar menurut Undang-Undang Kontrak Islam.

## 2.0 PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Transaksi perniagaan dalam undang-undang Islam menitikberatkan persoalan antaranya keredaan kedua belah pihak. Ini bermakna terma kerelaan adalah penting bagi memastikan transaksi menjadi sah dan sempurna menurut peruntukan hukum Islam dan undang-undang. Di Malaysia, terdapat beberapa akta yang mengawalselia aktiviti kontrak penjualan dan perdagangan antaranya ialah Akta Kontrak 1950 (Akta 136), Akta Jualan Barang 1957 (Akta 382) dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599). Undang-undang berhubung dengan penjualan barang adalah juga satu cabang daripada undang-undang perdagangan. Persoalannya adakah peruntukan undang-undang sedia ada benar-benar memperuntukan hak kebebasan dan perundangan tersebut memelihara hak pihak-pihak yang berkontrak.

Menurut Mohaji (2005) terdapat dua perkara yang penting yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia dan pemerintah iaitu pertama semua pihak termasuk pengguna perlu bekerjasama dalam meningkatkan tahap perlindungan pengguna dalam transaksi di negara ini dan kedua penekanan terhadap pelaksanaan undang-undang yang ada juga perlu dipertingkatkan supaya pengguna tidak teraniaya. Pengetahuan tentang hak pengguna yang baik serta perundangan yang kukuh menjadi faktor yang penting dalam mengelak sebarang ketidakpuashatian serta permasalahan yang mungkin berlaku dalam setiap transaksi jualan dan pembelian.

Pun begitu isu hak dan kerelaan ini seringkali tidak menjadi keutamaan dalam aktiviti kontrak kerana terdapat ketidakjelasan tentang tanggungjawab dan hak masing-masing dalam kontrak termasuk penjual dan pembeli. Menurut Sakina (2013) terdapat peruntukan pilihan dalam undang-undang kontrak namun dalam peruntukan seksyen Akta Kontrak ini sememangnya banyak lompong

dan ketidakjelasan akibat daripada kedudukan Akta ini yang banyak merugikan pengguna dan ketidakadilan kepada kedua-dua belah pihak. Peruntukan yang diberikan menampakkan wujud hak dan kepentingan pihak berkontrak tetapi ia memerlukan penambahbaikan.

## 3.0 KAJIAN LEPAS

### 3.1 Latar Belakang Undang-Undang Kontrak

Menurut Tilotson (1981) undang-undang kontrak adalah suatu cabang undang-undang persendirian dalam negara ini. Istilah kontrak menurut adalah suatu tafsiran bahawa ditengah-tengah undang-undang kontrak terletak idea tentang persetujuan, janji dan rundingan yang saling berkaitan". [MFA1] Manakala Menurut Halsbury's Law of England ungkapan kontrak walaubagaimanapun boleh digunakan untuk memerihalkan mana-mana satu daripada berikut:

- a) Beberapa siri janji atau perlakuan itu sendiri yang menjadikannya kontrak
- b) Dokumen atau beberapa dokumen yang menjadikan atau menerangkan bahawa siri janji atau perlakuan tersebut atau pelaksanaannya
- c) Hubungan undang-undang yang timbul daripada siri tersebut (Sakina et.al : 2000).

Amalan transaksi atau kontrak adalah suatu tindakan yang dilakukan setiap hari samada disedari ataupun tidak. Kontrak membeli barang di kedai-kedaia adalah satu kontrak yang mana penjual bersetuju menjual sesuatu barang dan pembeli bersetuju membeli barang yang ditawarkan dengan balasan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Kontrak juga tidak perlu bertulis dan tidak semestinya juga mempunyai terma-terma atau syarat-syarat yang banyak di dalamnya. Dalam menentukan kewujudan dan keesahan sesuatu kontrak, biasanya kita lihat dulu samada wujudnya perjanjian yang boleh dikuatkuasakan undang-undang (legally enforceable). Ini dihuraikan dengan jelas dalam penghakiman Hakim V. C George dalam kes Sri Kajang Rock Products Sdn Bhd v Mayban Finance Bhd ([1992] 1 CLJ 204):

*"Untuk membentuk kontrak yang sah mesti ada pihak yang berasingan dan yang pasti dengannya; pihak ini mestilah dalam perjanjian, iaitu, kata sepakat; -dua pihak mesti berhasrat untuk mewujudkan hubungan undang-undang dalam erti kata bahawa janji-janji setiap sisi adalah enforceably semata-mata kerana mereka adalah janji kontrak dan janji-janji setiap pihak mesti disokong oleh pertimbangan"*

Daripada apa yang dinyatakan di atas, kita boleh simpulkan bahawa:-

1. Sebelum wujudnya satu kontrak, perlu adanya satu perjanjian;
2. Perjanjian itu hendaklah di antara dua atau lebih pihak;
3. Perjanjian itu hendaklah mewujudkan obligasi untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu;
4. Terdapat niat-niat dari pihak-pihak terbabit untuk mewujudkan perhubungan di sisi undang-undang dimana.....
5. sebarang pemecahan janji atau set janji akan memberikan remedii di sisi undang-undang kepada pihak yang satu lagi
6. Janji atau set janji itu hendaklah juga diiringi oleh balasan (*consideration*).

### 3.2 Pilihan Dalam Konteks Malaysia

Pilihan berdasarkan perundangan Malaysia merujuk kepada hak seseorang pembeli dan pengguna untuk meratifikasi sesuatu perjanjian atau menarik balik kontrak tersebut dalam tempoh waktu yang ditetapkan (Hafiz Shukri et.al: 2013). Selain daripada itu juga ia menurut peruntukan Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang menjelaskan bahawa terma pilihan yang dimaksudkan ini merujuk kepada hak seseorang pengguna dalam sesuatu transaksi bagi tempoh pembatalan atau

penerimaan kontrak. Menurut Wu Min Aun (1996), pilihan adalah merujuk kepada hak bagi seseorang pembeli bagi menentukan samada meneruskan kontrak ataupun tidak.

Secara umumnya istilah pilihan yang dijelaskan menunjukkan ia adalah satu hak yang diberikan oleh syarak dan perundangan kepada pihak yang berkontrak samada penjual dan pembeli dalam memastikan transaksi perniagaan berjalan dengan penuh kerelaan kedua belah pihak. Ini menunjukkan bahawa peruntukan hak pilihan ini selaras dengan konsep hak pengguna yang dinyatakan dalam undang-undang pengguna iaitu lapan Hak Pengguna yang menggariskan objektif agar hak pengguna dipelihara.

Dalam menjelaskan tentang kedudukan prinsip dan elemen pilihan dalam undang-undang maka perlu diteliti kembali sejauh mana kontrak perundangan yang diperuntukan memberi hak kepada pihak berkontrak untuk melaksanakan hak mereka semasa berkontrak. Justeru pemahaman tentang kedudukan kontrak dan perundangan serta latarbelakang, apakah elemen kontrak yang diperuntukan dalam Akta Kontrak 1950 (Akta 136) telah memberi hak kepada pihak berkontrak untuk melakukan pilihan tersebut.

## 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dimana kajian ini menggunakan sumber primer iaitu menghuraikan tentang prinsip dan falsafah khiyar menurut perspektif ulama fiqh disamping merujuk sumber sekunder iaitu jurnal dan artikel dalam mencerap maklumat bagi menjana idea dan kupasan terkini dalam proses amalan pilihan dalam konteks undang-undang di Malaysia. Kajian juga merujuk kepada Akta Kontrak 1950 (AK136) sebagai salah satu sumber yang dirujuk terutama aspek perundangan dan aplikasi semasa disamping menganalisis perbandingan kedudukan terma pilihan menurut Islam dan amalan pilihan dalam seksyen dan Akta Kontrak 1950.

## 5.0 KONSEP KHIYAR MENURUT ISLAM

*Khiyār* menurut bahasa adalah dari kata *ikhtiyār* yang bererti mencari yang baik dari dua urusan baik meneruskan akad atau membatkalkannya (Azzam: 2010). Ini bermakna pilihan, umumnya merujuk kepada jenis hak tertentu merangkumi dua pihak iaitu pembeli dan penjual untuk mengesahkan sesuatu kontrak atau membatalkan kontrak tersebut (al-Shalabi : 1983). Kebiasaannya penentuan *khiyār* ini berdasarkan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Dalam kitab *Kifāyah al-Akhyār*, Imam Taqiuddin Abu Bakr bin Muhammad al-Husayni (1994) menyebut bahawa *khiyār* bagi dua orang pembeli dan penjual adalah selagi mana mereka tidak berpisah dalam urusan jual beli tersebut. Beliau menambah lagi bahawa syarat berpisah tersebut adalah selama tiga hari.

Sebenarnya *khiyār* disyariatkan adalah untuk memenuhi kepentingan transaksi perniagaan menurut hukum Islam. Kepentingan ini bertujuan menjaga kemaslahatan dan kerelaan kedua belah pihak dan melindungi mereka daripada kemungkinan bahaya yang merugikan perniagaan mereka kelak. Secara umumnya ulama telah membahagikan *khiyār* ini kepada beberapa jenis. Imam Hanafi membahagikan kepada tujuh belas jenis, Shafi'i enam belas, Hanbali lapan jenis dan Maliki dua jenis (al-Zuhali:t.th). Namun dalam artikel ini penulis hanya menjelaskan empat khiyar utama sahaja iaitu ialah *Khiyār Majlis*, *Khiyār Sharṭ*, *Khiyār Ayb*, dan *Khiyār Ru'yah*.

### 5.1 *Khiyār Majlis*

*Khiyār majlis* merujuk kepada hak pilihan ketika dalam majlis. Ini dimaksudkan dengan hak bagi kedua belah pihak, antara penjual dan pembeli untuk melangsungkan jual beli atau membatkalkannya

selama masih berada di tempat majlis jual beli itu (al-Zuhaily: t.th). Menurut AM Ali Hassan (2007), apabila keduanya berpisah dari majlis tersebut, maka hilanglah hak *khiyār* ini sehingga perubahan tidak dapat dilakukan lagi. Majlis akad ini juga bermaksud waktu yang dimulai *ijāb* dan waktu berterusan selagi belum berlaku *qābul*. Oleh yang demikian dalam tempoh waktu tersebut penjual dan pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan samada meneruskan atau membatkalkannya (Abu Ghuddah: 1983). *Khiyār* ini menurut Mazhab Shafie dan Hanbali terbatas kepada akad *mūāwādāt*<sup>1</sup> dan *ijarah* (sewaan). Manakala Mazhab Malikiyyah dan Hanafiyah menolak keberadaan *khiyār* majlis ini.

## 5.2 *Khiyār Sharṭ*

*Khiyār sharṭ* merupakan suatu pilihan yang telah ditetapkan syarat dalam sesuatu kontrak. Ia memberikan hak kepada salah satu, atau kedua-duanya atau kepada pihak ketiga untuk mengesahkan atau membatkalkan sesuatu kontrak dalam sesuatu tempoh masa (Obadillah: 1994). Pada dasarnya *khiyār* ini memberi tempoh masa tersebut supaya penilaian semula faedah dan kos terlibat dapat dilakukan dalam sesuatu kontrak tersebut. Imam Shafie dan Imam Abu Hanifah menghadkan tempoh *khiyār sharṭ* hanya kepada tiga hari, manakala Imam Ahmad Ibn Hanbal tidak menetapkan limitasi tempoh tersebut. Tujuan *khiyār* ini adalah untuk memberi peluang kepada penjual dan pembeli supaya tidak terburu-buru mengambil keputusan bagi membolehkah mereka berfikir dan membuat keputusan sewajarnya. Di dalam *Majalah al-ahkām al-adliyyah* (1990) menyebutkan bahawa diharuskan mengadakan syarat bagi pilihan (*khiyār*) untuk membatkalkan akad dan pihak yang telah diberi pilihan tersebut samada memilih meneruskan atau memfasakhkannya.

## 5.3 *Khiyār ‘Ayb*

*Khiyār ‘Ayb* ialah hak untuk membatkalkan atau meneruskan jual beli barang bagi pihak yang berakad. Hal ini terjadi jika sesuatu barang yang dibeli mengalami kecacatan atau kerosakan, maka penjual berhak mengembalikan wang yang diberi oleh pembeli tersebut. (Nor Muhammad : 2008). Dalam jual beli, Islam mensyaratkan kesempurnaan dalam amalan perniagaan dan melarang berjual beli dengan amalan yang salah yakni batil. Para fuqaha menitikberatkan keharusan *khiyār aib* ini kerana ia adalah bagi memastikan keselamatan sesuatu barang yang menjadi subjek kontrak daripada sebarang kecacatan. Memastikan keselamatan barang tersebut sangat penting sehingga pihak yang memiliki barang tersebut mendapat manfaat sepenuhnya sehingga memenuhi hajat dan keperluannya. (Murtadha : 1988). Secara prinsipnya *khiyār aib* ini bertujuan apabila akad kontrak itu berlaku sekiranya tidak terjamin keelokkan subjek kontrak, maka kerelaan yang merupakan asas kontrak terjejas makan bagi menampung kekurangan ini disyarakkan *khiyār aib* bagi pihak yang bakal memiliki barang tersebut (Ibn Humam : t.th)

## 5.4 *Khiyār Ru’yah*

*Khiyār ru’yah* ialah hak membuat pilihan yang diberi kepada pembeli samada ingin meneruskan kontrak atau membatkalkannya apabila telah melihat barang jualan yang tidak dilihatnya semasa melakukan akad. Mazhab Hanafi menggariskan jual beli barang yang tidak nampak sah di sisi hukum. Mereka berpendapat risiko pembeli adalah minimum kerana jika barang sudah sampai, maka pembeli berhak untuk membuat pilihan barang yang dilihatnya. Imam Shafī‘i pula tidak bersetuju kerana transaksi sebegitu terdapat gharar yang tidak diketahui risikonya.

---

<sup>1</sup> Muawadat bermaksud akad yang saling mengganti antara dua pihak seperti segala bentuk jual beli dimana pembeli memberi sejumlah wang kepada penjual dan si penjual memberikan barang yang dibeli

Walaupun majoriti Fuqaha' berpandangan *khiyār* (pilihan) ialah perjanjian membeli atau menjual sesuatu barang pada harga tertentu dalam tempoh masa yang ditetapkan dan merupakan sesuatu transaksi yang sah di sisi undang-undang tertakluk kepada kebenaran produk tersebut, namun ia masih mempunyai ruang perbahasan yang panjang berkaitan konsep dan amalan *khiyār* yang dilaksanakan terutamanya di negara ini. Oleh yang demikian melihat kepada sudut kesesuaian dan pengharmoniannya, elemen-elemen pilihan yang dilaksanakan dalam peruntukan undang-undang sedia ada boleh memberi ruang penambahbaikan kearah pelaksanaan prinsip *khiyār* sejajar menurut hukum syarak.

## 6.0 AKTA KONTRAK 1950 (AKTA 136)

Akta kontrak 1950 (Akta 136) adalah merupakan satu Akta induk yang menguatkuaskan aspek kontrak di Malaysia. Akta ini merupakan akta utama yang menjadi dasar kepada semua jenis kontrak di Malaysia. Selagi mana sesuatu peruntukan itu tidak bercanggah dengan peruntukan khusus undang-undang maka Akta Kontrak 1950 akan menjadi sumber rujukan.<sup>2</sup> Sebagai contoh dalam *kes Song Bok Yong vs Ho Kim Pou (MLJ 1968)*, dijelaskan terdapat percanggahan peruntukan antara akta kontrak 1950 dengan undang-undang Inggeris, maka Akta Kontrak 1950 diutamakan (Suzana et.al : 2013). Dalam konteks sebuah akta yang disifatkan sebagai landasan kepada semua jenis kontrak, maka semua aspek dari segi pembentukan kontrak telah digariskan termasuklah dari segi pembentukan, kontrak boleh batal, pelaksanaan dan sebagainya. Kertas ini akan memfokuskan dalam penulisan ini tentang Bab 2 dalam aspek pembentukan dengan peruntukan bertajuk “*Mengenai Komunikasi, Penerimaan dan Pembatalan Cadangan*”.

Menurut Akta Kontrak 1950 (Akta 136) ini yang memperuntukan tentang tajuk Mengenai Komunikasi, Penerimaan dan Pembatalan Cadangan. Bahagian ini memperuntukan bermula seksyen 3 hingga 9 yang menghuraikan tentang aspek-aspek berkaitan dengan komunikasi, penerimaan dan pembatalan cadangan dalam berkontrak. Menurut seksyen 3 dalam tajuk Komunikasi, penerimaan dan pembatalan cadangan menyatakan bahawa:

*“Komunikasi cadangan, penerimaan cadangan, pembatalan cadangan dan pembatalan penerimaan masing-masing adalah dianggap dibuat dengan mana-mana perbuatan atau ketinggalan perbuatan oleh pihak yang mencadang, yang menerima atau yang membatalkan dengan mana pihak itu berniat untuk mengkomunikasikan cadangan, penerimaan atau pembatalan itu atau yang pembatalan itu atau yang mempunyai akibat untuk mengkomunikasi cadangan itu” (Seksyen 3 Akta Kontrak 1950)*

Dalam konteks maksud kontrak menurut undang-undang sivil bahawa sesuatu kontrak itu haruskan berlaku dengan memenuhi elemen-elemen asas yang perlu termasuklah (Salleh Buang: 1992):

1. Wujudnya tawaran atau perjanjian yang dibuat oleh seseorang dan ditujukan kepada individu tertentu atau ditujukan kepada orang ramai
2. Terdapat penerimaan atas tawaran yang dibuat dan penerima tawaran bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan
3. Pihak yang berkontrak haruslah berkeupayaan untuk memasuki sebuah kontrak
4. Ada niat diantara pihak yang terbabit untuk menjadikan sesebuah perjanjian tersebut mengikat disisi undang-undang

<sup>2</sup> Ini dijelaskan secara langsung melalui seksyen 1 (2) “ Tiada apa-apa yang terkandung dalam Akta ini boleh menyentuh peruntukan mana-mana akta bertulis atau mana-mana kelaziman atau adat trend atau sebarang perkara yang berkaitan dengan mana-mana kontrak yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta”

5. Wujud kerelaan untuk memasuki kontrak tanpa sebarang paksaan, pengaruh tak berpatutan dan khilaf
6. Semua butiran dalam kontrak perlu jelas dan tentu maksudnya.

Justeru keperluan utama sesuatu kontrak terbentuk adalah perjanjian. Oleh kerana itu perlu wujud dua pihak bagi membentuk perjanjian iaitu satu pihak sebagai pembuat tawaran dan satu pihak lagi sebagai penerima tawaran. Ini kerana menurut undang-undang kontrak jika berlaku satu pihak sahaja maka tidak memadai (Mohd Sabri: 1996). Untuk mewujudkan satu kontak itu sah disisi undang-undang kontrak memerlukan beberapa elemen penting (Sakina et.al : 2013):

1. Cadangan
2. Penerimaan
3. Balasan
4. Niat mewujudkan hubungan disisi undang-undang
5. Keupayaan
6. Kerelaan bebas
7. Keesahan kontrak

Justeru penulis menggariskan dan menghuraikan definisi Bab 2 Akta Kontrak yang menjelaskan kedudukan kontrak termasuklah mengenai komunikasi, penerimaan dan pembatalan cadangan. Bab 2 ini menjadi asas yang sangat penting terhadap status kontrak *khiyār* yang menjadi topik utama penulis ini untuk menganalisa bagaimana terma dan peruntukan dalam Bab ini menghuraikan unsur-unsur yang bertepatan dan bersamaan dengan prinsip *khiyār* menurut hukum kontrak Islam.

## 6.1 Pembentukan Sebuah Kontrak

Pembentukan sesuatu kontrak adalah merupakan satu persetujuan antara pihak yang berkontrak. Menurut takrifan undang-undang bahawa dalam sekseyn 2 (h) Akta Kontrak 1950 (Akta 136) bahawa kontrak ditakrifkan sebagai satu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Takrifan ini juga dapat dikemaskan lagi penghuraiannya dengan merujuk juga kepada seksyen 10 Akta Kontrak 1950 yang memperuntukan bahawa:

*“satu perjanjian perlu dibuat dengan prinsip kerelaan bebas pihak-pihak yang layak berkontrak, untuk sesuatu balasan yang sah dan dengan suatu tujuan yang sah dan tidak ditetapkan dengan nyata dibawah peruntukan ordinan ini bahawa ianya terbatal.”*

Namun demikian sesuatu kontrak sebelum ianya termeterai, elemen-elemen utama sesuatu kontrak untuk menjadikan ianya sah perlu dipastikan wujud. Sesuatu kontrak perlu mempunyai tawaran atau cadangan, penerimaan, balasan, niat, keupayaan untuk berkontrak, ketentuan, kerelaan bebas dan tujuan yang sah (Shaik Nor Alam : 2000). Undang-undang syariah menggariskan empat unsur utama dalam pembentukan kontrak dan menjadikan ianya sah dalam sesebuah kontrak. Menurut Wahbah Zuhaily bahawa empat unsur tersebut seperti berikut:

1. Lafaz Kontrak – wujudnya pembuat tawaran dan penerimaan dan perlu suatu yang lahir daripada dua pihak yang berkontrak bagi menunjukkan niat secara lafaz, perbutan, isyarat atau tulisan.
2. Pihak yang berkontrak – Pihak yang berkontrak perlulah berkelayakan menurut pandangan syarak.
3. Tempat kontrak – iaitu keadaan tempat pihak berkontrak membuat kontrak.
4. Perkara kontrak (al-Zuhaily : t.th)

## 6.2 Komunikasi Cadangan (Seksyen 4, Akta Kontrak 1950)

Di dalam seksyen 2(a) Akta kontrak 1950 menjelaskan tentang maksud cadangan:

*“Apabila seseorang menyatakan kesediaannya kepada orang lain untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu dengan maksud memperoleh persetujuan orang itu untuk berbuat sesuatu atau menahan diri daripada berbuat sesuatu, maka bolehlah dikatakan bahawa orang itu membuat cadangan” (Seksyen 2 Akta Kontrak 1950)*

Akta Kontrak memperuntukan seksyen 4 (1) berkenaan dengan komunikasi cadangan bila lengkap. Menurut Seksyen ini komunikasi cadangan adalah lengkap, bila cadangan itu sampai kepada pengetahuan pihak kepada siapa cadangan itu dibuat. Menurut seksyen 4 (2) :

- terhadap pencadang, bila komunikasi penerimaan itu telah masuk ke dalam perjalanan pengiriman kepadanya dimana ianya berada diluar kuasa penerima
- terhadap penerima bila komunikasi tersebut telah sampai ke pengetahuan pencadang.

Ini bermaksud cadangan menurut perspektif kontrak adalah sesuatu cadangan dan penerimaan itu mestilah mengetahui ianya wujud. Pengetahuan ini menggambarkan wujudnya pertemuan minda antara kedua belah pihak yang telah mencapai persetujuan. Oleh itu setiap cadangan adalah berkehendakkan penerimaan dan suatu penerimaan mestilah berdasarkan cadangan (Sakina: 2000).

Dalam satu kes *Preston Corporation Sdn Bhd lwn Edrward Leong dan Lain-Lain* (1982 (MLJ 22), Hakim Salleh Abas mendefinisikan tawaran dan cadangan sebagai satu kesediaan membuat tawaran untuk menjalin sesuatu kontrak yang sah mengikut undang-undang. Terma-terma seperti secara nyata ataupun termaklum hendaklah menunjukkan bahawa ia akan menjadi mengikat sebaik sahaja diterima oleh pembuat tawaran ia perlulah mengandungi janji dan mengikat.

## 6.3 Penerimaan Cadangan (Seksyen 7, Akta Kontrak 1950)

Penerimaan Cadangan bermaksud tanda kesediaan seseorang yang telah menerima cadangan untuk menjalin satu hubungan kontrak dengan pihak yang membuat cadangan (Sakina : 2000). Menurut Seksyen 2(b) Akta Kontrak 1950 menjelaskan bahawa apabila orang kepada sesiapa cadangan itu dibuat menyatakan persetujuan dengan cadangan itu maka bolehlah dikatakan bahawa cadangan itu diterima, maka suatu cadangan diterima itu adalah menjadi janji.

Menurut Seksyen 7 (a) Akta Kontrak 1950 telah menyatakan denga jelas bahawa :

*“Untuk menjadikan sesuatu cadangan itu sebagai janji maka penerimaan mestilah mutlak dan tidak bersyarat”*

## 6.4 Cadangan (Ijab) Dan Penerimaan (Qabul) Menurut Islam

Komunikasi cadangan dan penerimaan atau dengan kata lain syarat utama pelaksanaan cadangan dan penerimaan itu terbahagi kepada tiga :

- Jelas perbuatan cadangan dan penerimaan.
- Cadangan dan penerimaan perlu selari iaitu sesuatu penerimaan perlu mengikut ketentuan cadangan.
- Cadangan dan penerimaan hendaklah dibuat dalam satu majlis jika kedua-dua pihak berkontrak hadir dalam majlis dimana pihak yang tidak hadir mengetahui kewujudan penerimaan itu.

## 6.5 Pembatalan Penerimaan Dan Cadangan (Seksyen 5 Akta Kontrak)

Menurut Akta Kontak 1950 atas tajuk Pembatalan cadangan dan penerimaan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 5 menjelaskan:

- a) Sesuatu **cadangan** boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaan adalah lengkap terhadap pencadang, tetapi tidak selepasnya
- b) Sesuatu **penerimaan** boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi itu adalah lengkap terhadap penerima tetapi tidak selepasnya.

Pembatalan mestilah dikomunikasikan kepada pihak yang terlibat dalam sesuatu perjanjian. Berdasarkan seksyen 4(3) Akta Kontrak 1950 komunikasi pembatalan menjadi lengkap:

- a) terhadap orang yang membuat pembatalan, bila komunikasi pembatalan itu telah dimasukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepada siapa pembatalan itu dibuat dimana ianya berada diluar kuasa orang yang membuatnya;
- b) terhadap orang kepada siapa yang ianya dibuat, bila pembatalan itu sampai kepada pengetahuan.

Dalam kes *Win Sin Lwn Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga (LPPKN)* (2000 MLJ 423), Mahkamah tinggi telah memutuskan bahawa komunikasi pembatalan menjadi lengkap terhadap orang yang membuat pembatalan apabila notis pembatalan tersebut di masukkan ke dalam perjalanan pengiriman kepada siapa pembatalan itu dibuat manakala komunikasi pembatalan menjadi lengkap kepada siapa pembatalan dibuat adalah apabila pembatalan itu sampai ke pengetahuannya (Shamsul: 2000). Dalam pada itu juga pembatalan ke atas penerimaan hanya boleh dilakukan sekiranya penerima belum sempurna. Berdasarkan seksyen 5 (2) Akta Kontrak 1950 yang menjelaskan bahawa penerima boleh menarik balik penerimaannya walaupun beliau telah mengepos penerimaan asal surat itu belum sampai ke pengetahuan pembuat tawaran.

Berdasarkan kepada Akta Kontrak 1950 sesuatu cadangan itu dianggap terbatal adalah diatas sebab-sebab berikut:

**i. Apabila pencadang mengkomunikasi notis pembatalan kepada penerima cadangan**

Ini bermaksud bahawa apabila pencadang menyampaikan hasratnya kepada penerima bahawa beliau membatakan cadangan tersebut maka cadangan sebelum itu dianggap tamat dan berakhir bila diketahui oleh penerima. Ini ditetapkan menurut peruntukan seksyen 4 (3) Akta Kontrak 1950:

Komunikasi Pembatalan adalah lengkap apabila:-

- a. terhadap orang yang membuat pembatalan bila komunikasi pembatalan itu dimasukkan dalam perjalanan pengiriman kepada siapa pembatalan itu dibuat, dimana ianya berada diluar kuasa orang yang membuatnya;
- b. terhadap orang kepada siapa yang ianya dibuat, bila pembatalan itu sampai kepada pengetahuannya. (Seksyen 4(3) Akta Kontrak 1950)

Oleh itu, secara umumnya pencadang boleh membatakan cadangannya pada bila-bila masa sebelum sesuatu penerimaan dibuat oleh si penerima cadangan. Dalam kes *Routledge v. Grant* yang berlaku pada 18 Mac 1825 defendan telah membuat cadangan untuk membeli rumah plaintif. Defendan telah memberi tempoh kepada plaintif selama 6 minggu dari tarikh cadangan untuk menerima cadangan yang dibuatnya. Walau bagaimanapun pada 9 April defendan telah membatakan cadangannya. Pada 29 April plaintif telah membuat penerimaan kepada cadangan tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa defendan boleh membatakan cadangannya pada bila-bila masa selagi belum ada penerimaan dibuat oleh plaintif (Sakina : 2000).

**ii. Apabila lalut waktu yang ditetapkan untuk satu penerimaan**

Selain daripada itu sesuatu cadangan itu boleh terbatal atas faktor keluputan waktu dimana pencadang menetapkan satu tempoh tertentu untuk suatu penerimaan dibuat tetapi ianya tidak dibuat dalam tempoh ditetapkan. Oleh itu cadangan itu akan tamat secara automatik jika tiada tempoh

tertentu oleh pencadang. Dalam keadaan bila tiada batas waktu, maka cadangan itu akan luput mengikut waktu yang munasabah. Waktu munasabah mengikut kebiasaan dan fakta kes secara keseluruhan.

### iii. Berlaku kemungkiran kontrak oleh penerima mengenai syarat penerimaan

Selain daripada itu juga sesuatu cadangan adalah dibatalkan jika berlaku kemungkiran kontrak oleh penerima untuk memenuhi syarat terdahulu mengenai penerimaan. Sesuatu cadangan itu akan berakhir apabila penerima cadangan menolak sesuatu cadangan yang ditujukan kepadanya. Menurut Seksyen 7 Akta Kontrak 1950 :

Untuk menjadikan sesuatu cadangan itu sebagai satu janji maka penerimaan itu mestilah :-

#### (a) *Mestilah mutlak dan tak bersyarat*

Ini bermakna sebarang penolakan daripada cadangan asal adalah sebagai satu cadangan balas oleh penerima kepada pembuat cadangan. Dalam kes *Hyde b. Wrench*<sup>3</sup> pada 6 Jun , defendant telah membuat cadangan utuk menjual ladangnya dengan harga 1000. Pada 8 Jun , plaintif menyatakan bahawa beliau menerima cadangan tersebut dengan harga 950 tetapi ada 27 Jun defendant telah menolak harga tersebut. Akhirnya pada 29 Jun plaintif menyatakan kesanggupannya membeli dengan harga asal 1000. Apabila defendant enggan menjualnya plaintif telah membuat tuntutan pelaksanaan spesifik keatasnya. Mahkamah memutuskan bahawa satu kontrak yang mengikat tidak wujud kerana adanya cadangan balas plaintif yang telah meluputkan cadangan asal plaintif dan cadangan tidak boleh dihidupkan semula semata-mata kesanggupan plaintif membayar mengikut harga asal (Sakina: 2000).

Namun dalam konteks pembatalan kontrak menurut hukum kontrak Islam, pembatalan terhadap cadangan adalah berlaku apabila ada pihak yang menunjukkan keengganan meneruskan kontrak tersebut. Begitu juga jika pencadang meninggalkan majlis sebelum penerima menerima cadangan tersebut maka cadangan itu menjadi batal. Namun jika selepas majlis kontrak tersebut pihak penerima ingin membuat penerimaan atas cadangan sebelum ini pihak pencadang berhak menolak kerana cadangan telah terputus.

#### (b) *Atas kematian atau sakit otak pencadang jika sakit fakta kematian atau sakit otak itu diketahui oleh penerima sebelum penerimaan*

Sesuatu cadangan juga boleh berakhir jika pencadang meninggal atau sakit otak dan ianya diketahui oleh penerima. Dalam peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa cadangan berakhir jika berlaku kematian dan sakit otak. Namun dilihat kepada seksyen 6(d) Akta Kontrak 1950 memperuntukan bahawa kematian tersebut mesti diketahui sebelum penerimaan dibuat.

## 7.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### 7.1 Elemen *khiyār* dalam Jualan Barang

Berdasarkan penjelasan tentang Akta Jualan Barang 1957 (Akta 382) dan Undang-undang perlindungan pengguna 1999 seperti di atas, artikel ini juga akan melihat sejauh mana termasuk yang terdapat dalam akta tersebut memberi ruang kepada hak *khiyār* (pilihan) kepada pengguna dan penjual sejajar dengan hukum syarak yang diperuntukan. Bagi undang-undang kontrak Islam hak kedua belah pihak harus diberikan agar kepentingan mereka dipelihara. Ini berdasarkan hak kepentingan bersama yang menuntut kepada kedudukan suka sama suka tanpa sebarang penipuan (Al-Quran: Al-Nisa: 29).

---

<sup>3</sup> [1866] LR 1 Ex 109

Merujuk kepada Akta Kontrak 1950 menyatakan bahawa :

“sesuatu cadangan boleh dibatalkan pada bila-bila masa sebelum komunikasi penerimaannya adalah lengkap terhadap pencadang, tetapi tidak selepasnya” (Seksyen 5 bahagian 5).

Berdasarkan kenyataan dalam akta ini menunjukkan bahawa ia berlakunya proses tawar menawar iaitu *khiyār qabūl*<sup>4</sup> dan *khiyār rrujū*<sup>5</sup> dimana kedudukan *khiyār* ini sejajar pandangan Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki. Ini bermakna pembatalan akad dalam kontrak tidak boleh berlaku kerana telah sempurna akadnya. Ini berbeza dengan pandangan Mazhab Shafie dan Hanbali dimana masih wujud lagi *khiyār Majlis* selagi mana pihak yang berkontrak masih berada bersama-sama dalam majlis. Oleh yang demikian ini bermakna kontrak tidak mengikat sehingga kedua-dua pihak beredara atau menolak pilihan tersebut (Kharofa : 2007). *Khiyār* ini termasuklah dalam konsep *mu’awađat* (komitmen bersama) seperti kontrak jualan, sewaan dan *ṣulh* (penyelesaian). Maka secara umumnya dapat dilihat bahawa peruntukan pembatalan kontrak jual beli berdasarkan akta kontrak adalah tidak menepati *khiyār majlis* di dalamnya berdasarkan hukum Islam.

## 7.2 Pilihan Syarat dalam Akad

Begitu juga dari aspek syarat yang digunakan dalam Akta Kontrak 1950 yang merujuk kepada perkara 6 (b) yang mana ia menyatakan:

“sesuatu cadangan adalah dibatalkan dengan luputnya waktu yang telah ditetapkan dalam cadangan itu mengenai penerimaannya, atau, bila waktu tidak ditetapkan sedemikian, dengan luputnya waktu yang munasabah, tanpa komunikasi penerimaan itu.”

Dalam aspek hukum syarak, Islam telah memberikan ruang *khiyār ḫart* yang memperuntukan tempoh dalam berkontrak samada mahu meneruskan atau membatkannya. Di dalam *khiyār ḫart*, penjual dan pembeli diberikan tempoh tertentu seperti tiga hari untuk membatalkan transaksi jual beli (Kharofa : 2007). Sekiranya tempoh yang diberikan itu sudah berlalu, lalu tiadanya pembatalan jual beli, maka dengan sendirinya jual beli itu menjadi sah dan sempurna. Penjual dan pembeli pula tiada ruang selepas itu untuk membatalkan jual beli tanpa persetujuan antara kedua-dua pihak. Namun, berdasarkan kepada akta kontrak, lain pula yang berlaku iaitu apabila tempoh masa yang telah ditetapkan telah tamat, manakala pembatalan terhadap jual beli masih tidak dilakukan, maka dengan sendirinya jual beli itu terbatal (Murshidi et. al.: 2013).

## 7.3 Aplikasi Pilihan (Khiyar) Kerosakan

Dalam pada itu juga jika diteliti menurut *khiyār ‘ayb*, sememangnya terdapat ruang yang luas untuk diaplikasi dalam undang-undang jualan barang di Malaysia. Sememangnya terdapat banyak perkara yang membolehkan *khiyār* ini dapat dilaksanakan. Misalnya pada bahagian kedua di bawah tajuk: “*Perlakuan Mengelirukan Dan Memperdaya, Represantasi Palsu Dan Amalan Tidak Saksama*”, menurut seksyen ke-10 (1) :-

(a) “Tiada seorang pun boleh membuat representasi palsu atau mengelirukan-bahawa barang itu adalah daripada jenis, standard, kualiti, gred, kuantiti, komposisi, gaya atau model tertentu.

Undang-undang Malaysia secara khusus tidak menyenaraikan syarat-syarat terperinci seperti dalam undang-undang Islam. Walau bagaimanapun pihak yang berkontrak boleh melaksanakan

<sup>4</sup> Khiyar qabul bermaksud hak memilih bagi penerimaan tawaran kerana penerimaan tidak boleh dipaksa

<sup>5</sup> Khiyar rrujū’ bermaksud membuat tawaran memiliki khiyar al-rujū’ kerana jika penerimaan tidak mesti mak begitu juga dengan tawaran

*khiyār* ayb bila hak dan jaminan sepatutnya dimiliki telah dicabuli. Di dalam undang-undang Malaysia disenaraikan hak dan jaminan yang menjurus kepada hak pengguna dan pembeli. Terdapat beberapa ciri utama yang wajar di berikan perhatian antaranya jaminan tersirat barang, kecacatan tersembunyi, penipuan, kecacatan kekal dan pembeli tidak rela serta tidak bersetuju dengan kecacatan tersebut.

**Sebagai contoh** menurut kontrak Jual beli perumahan pada hari ini didapati terdapat kekurangan yang dilaksanakan apabila timbul kerosakan. Pihak bank telah memiliki pemilikan penuh setelah PPA ditandatangani kemudian menjual semula kepada pembila menggunakan al-bay' bithaman ajil. Isu yang selalu timbul adalah apabila berlaku kerosakan selepas perjanjian ditandatangani apabila berlaku kerosakan tiada siapa pihak yang boleh dipertanggungjawabkan. Maka disini *khiyar* ayb boleh dijadikan instrumen bagi mengatasi masalah kerosakan yang bakal berlaku. Namun demikian bagi penulis ini hanya dapat dilaksanakan berdasarkan kepada beberapa keadaan iaitu kecacatan itu berlaku sebelum penerimaan oleh pembeli, kecacatan itu tidak diketahui semasa akad jual beli dan tidak disyaratkan oleh penjual supaya pembeli melihat terlebih dahulu aset tersebut. Hakikat yang berlaku pada hari ini pihak bank tidak bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan dan ia termaktub dalam dokumen PSA yang ditandatangani.

Begitu juga bagi penulis jika pelaksanaan *khiyar* ayb ini boleh dilaksanakan harus disertakan bersama dengan perundangan. Ini bagi memastikan tidak berlaku sebarang penganiayaan kepada pembeli. Begitu juga dilihat melalui peruntukan undang-undang pengguna 1999, banyak sekali peruntukan yang memberi panduan kepada pemeliharaan hak pengguna. Sebagai contoh Bahagian 5 yang menjelaskan hak dan gerenti terhadap sesuatu perkara apabila pembeli berhadapan dengan permasalah dan kerosakan tersirat mengenai hakmilik. Antara subseksyen tersebut adalah (Bahagian 5: APP 1999) :

- (a) gerenti tersirat mengenai kualiti boleh terima
- (b) gerenti tersirat mengenai kesesuaian bagi maksud tertentu
- (c) gerenti tersirat bahawa barang mematuhi perihal
- (d) gerenti tersirat bahawa barang mematuhi sampel
- (e) gerenti tersirat mengenai harga
- (f) gerenti tersirat mengenai pembaikan dan barang ganti
- (g) gerenti nyata pengilang

Jika diteliti secara menyeluruh dari aspek hak dan sebarang bentuk kerosakan yang termaktub dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 ini sedikit menepati *khiyar* ayb walaupun tidak menepati secara menyeluruh. Gabungan pemahaman terhadap *fiqh al-khiyar* ini wajar digerakkan supaya bukan sahaja memberi ruang pelaksanaan undang-undang kontrak Islam di dalam Negara malah memberi ruang memelihara hak pengguna secara keseluruhannya. Peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Kontrak 1950 dan Akta Perlindungan pengguna 1999 mampu menjana kepentingan dan kejayaan jika pengharmonian perundangan dapat dilaksanakan melalui pengemaskinikan peruntukan secara berperingkat-peringkat.

## 8.0 KESIMPULAN

Secara umumnya artikel ini menunjukkan bahawa konsep *khiyār* (pilihan) tidak menjadi amalan di dalam Akta Kontrak 1950 (Akta 136) dengan tidak memperuntukkan tentang peraturan *khiyār*. Didapati bahawa beberapa peruntukan dan seksyen berkenaan terutama di bawah Bahagian 2 AK 1950 menyamai elemen dan unsur dan konsep *khiyār* walaupun begitu dikenalpasti terdapat banyak isu yang timbul kepada pengguna di berbagai peringkat yang perlu untuk diberikan penyelesaian mengenainya. Walaupun elemen-elemen pilihan yang diperuntukan dalam Akta sedia ada menyamai

prinsip khiyar namun ianya masih lagi belum menepati dari segi prinsip dan syarat-syarat menurut kontrak khiyār dalam undang-undang Islam.

Sesungguhnya pemerkasaan undang-undang di dalam kontrak jual beli khususnya dalam pemakaian Akta Kontrak 1950 (Akta 136) perlu diperkemaskan dan merujuk kepada undang-undang kontrak sebagaimana yang diperuntukkan di dalam hukum Islam bagi menjamin kebajikan kedua belah pihak yang melakukan transaksi jual beli. Namun demikian, realiti semasa perlu diambilkira di dalam mengimplementasi hukum Islam untuk diamalkan. Aplikasi *khiyār* dalam undang-undang kontrak boleh diperluas dan diperkemas bagi menjamin hak mereka yang berkontrak agar selaras dengan prinsip muamalat Islam. Hak dan kepentingan pihak yang berkontrak dapat dipelihara sekiranya elemen dan prinsip *khiyār* dapat dilaksanakan mengikut peraturan sedia ada. Pengharmonian undang-undang Islam dengan undang-undang kontrak di Malaysia mampu untuk memberi jalan keluar kepada sebarang masalah samada berkaitan transaksi dan mengembalikan hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli selari dengan tuntutan syarak.

## Rujukan

- ‘Abd Aziz Muhammad ‘Azzam. (2010). *Fiqh al-Muāmalat: Sistem Transaksi dalam Fiqh Islam*. Jakarta Amzah
- ‘Abd Sattar Abu Ghuddah. (1985). *al-Khiyār wa athāruhu fī al-‘Uqūd*. Matba’ah Maghawiy Dallah Barakah. Hlm. 118
- Al-Shalabi, Muhammad Mustaffa. (1983). *al-Madkhāl Fi al-Ta’ārif bi al-Fiqh al-Islāmī wa Qawāīd al-Milkiyyah wa al-Uqūd Fihi*. Hlm. 595
- Ahmad Yahya al-Murtadho. (1988). *Bahr al-Zuhar al-Jamī’ lil Mazāhib ulama al-Amsar*. Dār al Hikmah al-Yamāniyah: Sana’. hlm 354.
- Afiq Hizami Azmir. (2013). “Pembaharuan Undang-Undang Jualan Barang di Malaysia, Fakulti Undang-Undang”. Unpublised Tesis Master.UKM.
- Beatrix Vohrah & Wu Min Aun. (2003). *The Commercial Law of Malaysia*, Edisi kedua, Longman. hlm.3.
- Farhah Abdullah, Sakina Shaikh Ahmad. (2011). “Fasal Pengecualian dan kawalan undang undang di Malaysia, Layanan Perundangan”, *Prosiding Perkem IV*. Hlm 218-227.
- Hafiz Shukri, Ruzian Markom. (2013). “Pengharmonian Prinsip Khiyar al-ru’yah dalam Transaksi Perniagaan di Malaysia”, *Jurnal Kanun*. DBP: Kuala Lumpur.
- Harlina Mohamed On, Ruzian Markom, Rozanah Ab Rahman.(1999). *Prinsip Undang-Undang Perniagaan di Malaysia*, Shah Alam: Selangor. Hlm. 54.
- Imam Taqiuddin Abu Bakar bin Muhammad al-Husaini. (1994). *Kifāyatul Akhyār fī al-Hal Qayah al-Ikhtiṣar*. jil.1. Maktab Buhūs Wa al-Dirāsat: Darul Fikr. Hlm. 203.
- Ibn Humam, Kamāl al-Din Muhammad ibn Abd al-Wāhid al-Suyāwasi. (t.th). *Sharh fath al-Qādir*. cet ke-2. Beirul Dar-al-Fikr

- Mohd Murshidi Mohd Noor, Ishak Suliaman, Khadher Ahmad, Fauzi Deraman, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Monika Munirah Abd Razzak, Jilani Touhami Meftah, Sedek Ariffin, Ahmad K. Kasar and Mohd Roslan Mohd Nor. (2013). “The Rights of Khiyar (Option) in the Issue of Consumerism in Malaysia”, *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13 (2): 154-161.
- Mohammed Obaidullah. (2002). “Islamic Risk Management: Towards Greater Ethics and Efficiency”, *International Journal of Islamic Financial Services*, Vol.3, No.4, h.1-18,  
<http://www.iiibf.org/journals/journal12/obaidvol3no4.pdf>, di akses pada 21 Disember 2011
- M.Nadratuzzaman Hosen dan AM. Ali Hasan. (2007). *Kamus Popular Keuangan Ekonomi Syariah*. Jakarta: PKES Publishing, h.43
- Mohammed Obaidullah. (1998). “Financial Engineering with Islamic Options”, *Islamic Economic Studies*, Vol. 6, No. 1, h.77.
- Nasrul Hisyam Nur Muhamad. (2008). “Aplikasi Sains Dan Teknologi Dalam Transaksi Muamalah Islam: Rujukan Kepada Rukun-RukunAkad Mengikut Perspektif Undang Undang Kontrak Islam”, *Jurnal Teknologi*, 49(E) Dis, h.81-91
- Suruhanjaya Sekuriti. (2006). *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Security Commision. Hlm.119.
- Sakina Shaik Ahmad Yusoff. (2007). “Susur Galur Undang-Undang Jualan Barang di Malaysia” dalam *Undang-Undang Malaysia: 50 tahun merentas zaman*. Fakulti Undang-Undang UKM. Hlm. 198-200.
- Wu Min Aun & Beatrix Viohrah. (1996). *The commercial Law of Malaysia*. Cornell University Press. Hlm. 25
- Zeti Zuryani Mohd Zakuan, Sakina Shaikh Ahmad Yusof. (2011). “Gerenti tersirat di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999: Penambahbaikan ke atas kepada syarat tersirat dibawah Akta Jualan Barang 1957”, *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*.